



SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI REALISASIKAN IMPIAN 100 KELUARGA KOMUNITI ESTET, MILIKI RUMAH SENDIRI MENERUSI PPR LADANG TANAH MERAH

PORT DICKSON, 30 Jun 2026 – Kerajaan MADANI menerusi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini berjaya membawa sinar harapan kepada sebanyak 100 keluarga komuniti estet menerusi **Program Perumahan Rakyat (PPR) Ladang Tanah Merah yang diserahkan surat tawaran dan proses pengundian** unit oleh YAB Menteri Besar Datuk Seri Utama Aminuddin.

Pada majlis hari ini, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, “Projek bernilai RM20 juta yang dibangunkan oleh KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) tersebut menawarkan kediaman teres setingkat seluas 750 kaki persegi menerusi Skim Sewa Untuk Milik (*Rent to Own*, RTO) secara berperingkat. Dengan bayaran hanya RM237 sebulan, merangkumi kadar sewaan RM225 dan caj pengurusan RM12, skim RTO ini dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat serta memutuskan rantai kemiskinan antara generasi”.

“Kerajaan MADANI sentiasa komited dalam memastikan tiada masyarakat mahupun komuniti yang terpinggir mahupun tercicir dalam arus pembangunan negara yang mengutamakan keselamatan, kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Kelewatan penempatan penduduk ke PPR Ladang Tanah Merah ini berpunca daripada dua (2) faktor utama yang berada di luar kawalan Kerajaan iaitu proses semakan senarai pemohon yang teliti oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan yang kedua, insiden pembuangan haram sisa minyak diesel ke dalam Loji Rawatan Kumbahan (STP) pada Disember 2023 telah menjejaskan operasi loji tersebut”, kata beliau.

Jelas beliau, KPKT memperuntukkan hampir RM700,000 bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan, pemulihan dan rawatan secara menyeluruh sehingga loji disahkan pulih sepenuhnya serta selamat digunakan.

“KPKT tidak akan sesekali membenarkan mana-mana keluarga berpindah masuk ke kediaman yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka. Walaupun berlaku kelewatan, kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi fokus keutamaan Kerajaan MADANI”, tambah beliau.

Beliau turut menegaskan bahawa rumah bukan sekadar tempat berteduh, malah menjadi asas kepada pembinaan kehidupan yang lebih stabil dan masa depan yang lebih baik buat setiap keluarga.

Kejayaan hari ini berpaksikan kepada hubungan akrab antara Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan yg sehaluan. Amat penting semua pihak perlu mempertahankan keadaan ini supaya dasar Kerajaan Pusat dapat dilaksanakan secara lancar di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, kerajaan MADANI juga telah berjaya mencapai sasaran meluluskan 500,000 unit rumah mampu milik dengan menawarkan 511,540 unit Rumah Mampu Milik (RMM) dibawah RMK12 sebagai bukti komitmen kerajaan membantu rakyat.

Majlis hari ini turut menjadi simbol penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Perbadanan PR1MA Malaysia selaku badan pengurusan PPR Ladang Tanah Merah serta semua agensi yang telah bekerjasama memastikan projek ini dapat direalisasikan demi manfaat rakyat.

Majlis yang disempurnakan bersama YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan turut dihadiri oleh YB Dato' Mohd Zafir Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan; YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman Taib, Ketua Setiausaha KPKT; barisan EXCO Kerajaan Negeri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi Kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

